



**SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM
JOHOR**

LAPORAN TAHUNAN 2018

spaj@johor.gov.my

01	...	Visi dan Misi	02
02	...	Perutusan Pengerusi	03
03	...	Kata Aluan Setiausaha	05
04	...	Ringkasan Eksekutif	07
05	...	Latar Belakang SPAJ	10
06	...	Ahli-Ahli Suruhanjaya	12
07	...	Urus Setia Suruhanjaya	14
08	...	Pusat Temu Duga SPAJ	18
09	...	Kaedah Pengambilan	21
10	...	Urusan Pelantikan	23
11	...	Urusan Perkhidmatan	26
12	...	Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib	39
13	...	Mesyuarat Suruhanjaya	42
14	...	Perbelanjaan Mengurus	44
15	...	Pengurusan Maklumat	47
16	...	Aktiviti Suruhanjaya	52

Visi & Misi



Visi

Menjadi agensi berwibawa
dalam urusan pelantikan dan pengurusan
perkhidmatan penjawat awam negeri Johor.

Misi

Melantik anggota perkhidmatan awam
yang berkualiti dan menguruskan
hal ehwal perkhidmatan
secara cekap dan terbaik
bagi memenuhi keperluan
negeri Johor.

PERUTUSAN PENGGERUSI



Perutusan Pengerusi

“SPAJ sangat komited dalam menjalankan fungsi melantik pegawai awam dalam perkhidmatan awam Johor dengan melaksanakan kaedah pengambilan dan pelantikan berdasarkan merit dan ciri-ciri kompetensi seorang calon”

Assalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan kurnia-Nya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) telah dapat melaksanakan fungsi-fungsinya sebagaimana yang diamanahkan untuk tahun 2018 mengikut peruntukan Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri tahun 1959. Buku tahunan SPAJ tahun 2018 disediakan sebagai bukti dalam merealisasikan tugas, peranan, amanah serta tanggungjawab Suruhanjaya.

SPAJ sangat komited dalam menjalankan fungsi melantik pegawai awam dalam perkhidmatan awam Johor dengan melaksanakan kaedah pengambilan dan pelantikan berdasarkan merit dan ciri-ciri kompetensi seorang calon. Ini bermakna hanya calon-calon yang berkualiti dan memenuhi kriteria yang ditetapkan sahaja yang dilantik dalam perkhidmatan awam negeri. Sebagai salah satu usaha penambahbaikan proses pengambilan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor telah mewujudkan Program Penilaian Khas Kemasukan Pegawai Tadbir Negeri Johor yang merangkumi Peperiksaan Atas Talian dan juga Program Penilaian Khas Kompetensi pada tahun 2018.

Urusan yang berkaitan dengan perkhidmatan seperti pengesahan dalam perkhidmatan, pengesahan dalam jawatan berpencen dan lain-lain urusan perkhidmatan diberi keutamaan dan dipercepatkan bagi memastikan tempoh pengesahan adalah mengikut masa yang ditetapkan.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membantu SPAJ melaksanakan dan menjayakan fungsi yang diamanahkan kepadanya. Semoga segala usaha yang kita lakukan diberkati Allah S.W.T. jua.

Salam Sejahtera dan Selamat Maju Jaya.

DATO’ HAJI MARSAN BIN KASSIM

Pengerusi

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor

KATA ALUAN SETIAUSAHA

Kata Alian Setiausaha

"Suruhanjaya telah melaksanakan urusan pengambilan dan pelantikan bagi 4 skim perjawatan untuk mengisi 155 kekosongan pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam negeri Johor"



Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Saya ingin merakamkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana pada tahun 2018, Suruhanjaya telah melaksanakan urusan pengambilan dan pelantikan bagi 4 skim perjawatan untuk mengisi 155 kekosongan pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam negeri Johor yang melibatkan sebanyak 21,205 permohonan yang dibuat melalui Portal *JohorCareer*.

Suruhanjaya juga telah menerima 177 permohonan Pengesahan Pelantikan, 414 permohonan Pengesahan dalam Perkhidmatan, 392 permohonan Pemberian Taraf Berpencen, 16 Permohonan Penentuan Gaji Permulaan dan 2 Pertukaran Perkhidmatan. Terdapat 11 orang telah diambil tindakan Pelanjutan Tempoh Percubaan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Johor (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

Selain itu, Suruhanjaya juga telah mempertimbangkan 1 permohonan rayuan Kenaikan Pangkat serta 11 permohonan rayuan Tindakan Tatatertib berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Johor (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Suruhanjaya juga sentiasa komited dalam urusan pengambilan dan perkhidmatan serta membuat penambahbaikan secara berterusan.


Setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada Setiausaha Kerajaan Johor dan Ahli-Ahli Suruhanjaya kerana telah memberi kerjasama kepada saya untuk mentadbir Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor. Terima kasih juga diucapkan kepada semua kakitangan Suruhanjaya yang banyak membantu melancarkan urusan bagi mencapai prestasi tinggi perkhidmatan awam negeri Johor.

SUFIAN BIN SULEIMAN

Setiausaha

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor

RINGKASAN EKSEKUTIF



Ringkasan Eksekutif

Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) ini disediakan sebagai memenuhi peruntukan Seksyen 17, Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959 yang menghendaki Suruhanjaya menyediakan satu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan salinannya dibentangkan di dalam Dewan Negeri.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) telah ditubuhkan mengikut Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959 (Bil. 4 Tahun 1959) bertarikh 19 April 1959. Kerajaan Negeri sebagai sebuah Badan yang dipertanggungjawabkan dengan fungsi melantik, mengesahkan, memasukan ke dalam jawatan tetap atau jawatan berpencen, menentukan gaji permulaan dan pertukaran perkhidmatan, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota di dalam perkhidmatan awam Johor selaras dengan peruntukan di Seksyen 11(1) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959.

Dalam melaksanakan semua fungsi Suruhanjaya, Seksyen 4 (2), Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri menetapkan ahlinya terdiri daripada seorang Pengerusi dan tidak kurang daripada dua dan tidak lebih daripada empat orang ahli. Ahli Suruhanjaya dibantu oleh urus setia yang diketuai oleh seorang Setiausaha.

Bagi tahun 2018 di bawah kepala Tanggungan T.02, Suruhanjaya telah diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM924,000.00. Perbelanjaan tersebut adalah untuk perbelanjaan Bekalan dan Perkhidmatan. Setakat 31 Disember 2018 jumlah perbelanjaan sebenar adalah sebanyak RM756,622.96.

Dibawah maksud Bekalan B.01, Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan berjumlah RM1,102,000.00. Daripada jumlah tersebut, peruntukan emolumen adalah sebanyak RM886,000.00. Bekalan, perkhidmatan, aset, pemberian & kenaan tetap sebanyak RM216,000.00. Perbelanjaan sebenar setakat 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM921,796.70.

Sepanjang tahun 2018, Suruhanjaya telah menjalankan urusan kerja dan tindakan-tindakan yang dilakukan selaras dengan bidang kuasa dan tugas yang dijalankan oleh SPAJ. Urusan-urusan ini termasuk Urusan Pengambilan, Urusan Perkhidmatan, Urusan Kenaikan Pangkat, Urusan Tatatertib dan Mesyuarat-mesyuarat Suruhanjaya.

Urusan-urusan dan mesyuarat yang dilaksanakan sepanjang tahun 2018 adalah seperti berikut:

BIL.	URUSAN	JUMLAH
1	PERMOHONAN Permohonan Diterima	21,205
2	PENGAMBILAN Urusan Pengambilan	4
3	PELANTIKAN Pelantikan Tetap	155
4	URUSAN PERKHIDMATAN Pengesahan Pelantikan Pengesahan Dalam Perkhidmatan Pelanjutan Tempoh Percubaan Pengecualian Menghadiri Program Transformasi Minda (PTM) Pemberian Taraf Berpencen Penentuan Gaji Permulaan Pertukaran Perkhidmatan	177 414 11 11 392 16 2
5	URUSAN KENAIKAN PANGKAT Kenaikan Pangkat Rayuan Kenaikan Pangkat	- 10
6	URUSAN TATATERTIB Tindakan Tatatertib Rayuan Tatatertib	- 11
7	MESYUARAT SURUHANJAYA Mesyuarat Suruhanjaya Mesyuarat Khas Suruhanjaya Mesyuarat Rayuan Kenaikan Pangkat Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam	12 1 1 11

LATAR BELAKANG SPAJ

PENUBUHAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) telah ditubuhkan mengikut Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959 (Bil. 4 Tahun 1959) bertarikh 19 April 1959.

BIDANG KUASA

Selaras dengan peruntukan di Seksyen 11(1), Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri, Suruhanjaya adalah bertanggungjawab bagi:



Bidang kuasa Suruhanjaya juga meliputi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Johor sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 2(1) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959.

PENARIKAN BALIK KEBENARAN URUSAN PENGAMBILAN KUMPULAN PELAKSANA GRED 11 HINGGA GRED 16

Mesyuarat Bulanan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor sebagaimana Kertas Bil. 122/2016 bertarikh 28 September 2016 BERSETUJU mengambil keputusan menarik balik kebenaran urusan pengambilan bagi jawatan tetap Kumpulan Pelaksana Gred 11 yang telah diturunkan kepada jabatan-jabatan berkuatkuasa mulai 1 Disember 2016.

AHLI-AHLI SURUHANJAYA

SPAJ



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR

AHLI-AHLI SURUHANJAYA

Seksyen 4(2) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959 menetapkan anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri terdiri daripada seorang Pengerusi dan tidak kurang dari dua (2) dan tidak lebih daripada empat (4) orang ahli. Ahli Suruhanjaya yang sedang berkhidmat adalah sebagaimana berikut:

TUAN HAJI MUJI BIN SALIMON
AHLI SURUHANJAYA

YB DATO' HAJI ABD. RAZAK BIN HASSAN
AHLI SURUHANJAYA

YB DATO' HAJI MARSAN BIN KASSIM
PENGURUSI

TUAN HAJI RAMLY BIN JUSOH
AHLI SURUHANJAYA

TUAN HAJI NORIZAN BIN KULOB
AHLI SURUHANJAYA



URUS SETIA SPAJ

SPAJ




SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR

PENGENALAN

Urus setia Suruhanjaya diketuai oleh seorang Setiausaha dengan dibantu oleh empat belas (14) orang Pegawai Sokongan pelbagai jawatan dan gred. Urus setia Suruhanjaya terletak di Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak, Kota Iskandar, Iskandar Puteri.

CARTA ORGANISASI URUS SETIA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR





URUS SETIA SPAJ

DARI KIRI HADAPAN

Puan Norhafizah binti Osman, Puan Hajah Kasmah binti Kasno,
Encik Sufian bin Suleiman (Setiausaha), Encik Mohamed Faizal bin Abdul Ansar,
Puan Hajah 'Aini binti Khairan

DARI KIRI BELAKANG

Encik Nur Arif bin Ahmad, Encik Mohd Parhan bin Jamal,
Encik Muhammad Idris Adil bin Mohamad Sani, Encik Mohd Fadzlin bin Zakaria,
Encik Mohd Firdauz bin Mustaffa, Encik Abdul Rahman bin Hashim,
Encik Mohd Faez bin Ahmad, Puan Zaharah binti Othman,
Puan Noratikah binti Zainuddin, Cik Nur A'esyah binti Rahim,
Cik Nurhidayah binti Saroni, Puan Faiza binti Saman, Puan Nur Afifah binti Md Salleh,
Cik Aima Adeeba binti Jaffri, Cik Farah Aqilah binti Mohd Fauzy

1. BAHAGIAN PENGAMBILAN DAN PENTADBIRAN

i. UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Melaksanakan tugas-tugas pentadbiran am yang berkaitan dengan hal ehwal perkhidmatan, perjawatan kakitangan dan menguruskan belanjawan, kewangan am, pelupusan inventori dan harta modal jabatan.

ii. UNIT PENGAMBILAN DAN PERKHIDMATAN

Melaksanakan urusan pengambilan dan pelantikan jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana Gred 11 hingga 41 ke dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor.

Melaksanakan urusan perkhidmatan bagi :

- Pengesahan Pelantikan.
- Pengesahan Dalam Perkhidmatan.
- Pelanjutan Tempoh Percubaan.
- Pengecualian Menghadiri Program Transformasi Minda.
- Pemberian Taraf Berpencen.
- Penentuan Gaji Permulaan.
- Pertukaran Perkhidmatan.
- Penamatan Perkhidmatan.

Melaksanakan urusan Rayuan Kenaikan Pangkat dan Rayuan Tatatertib bagi semua anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor.

Menguruskan Kenaikan pangkat bagi jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri Johor.

Menguruskan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi.

2. BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Bertanggungjawab dalam membangun dan menyelenggara sistem perkomputeran yang meliputi aplikasi, infrastruktur rangkaian, peralatan dan perisian komputer.

Membuat penyelenggaraan ke atas komputer yang telah dibekalkan serta memastikan peralatan ICT tersebut dalam keadaan yang baik.

Mentadbir dan mengurus rangkaian dan keselamatan ICT.

PUSAT TEMU DUGA SPAJ



SPAJ



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR

PUSAT-PUSAT TEMU DUGA SPAJ

Bagi melancarkan urusan temu duga dan keselesaan kepada calon maka SPAJ membuat temu duga bukan sahaja di Johor Bahru tetapi juga di daerah-daerah di negeri Johor. Pusat-pusat temu duga tersebut adalah seperti berikut:

	PUSAT TEMU DUGA KOTA ISKANDAR SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR Aras 3, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak, Kota Iskandar, 79503 Iskandar Puteri.	
	PUSAT TEMU DUGA DAERAH KULAI PEJABAT TANAH KULAI Jalan Pejabat Kerajaan, 81000 Kulai, Johor.	
	PUSAT TEMU DUGA DAERAH SEGAMAT MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT No.1, Jalan Abdullah, 85000 Segamat, Johor.	
	PUSAT TEMU DUGA DAERAH KLUANG INTAN WILAYAH SELATAN (IKWAS) KM 3, Jalan Batu Pahat, Peti Surat 141, 86007 Kluang, Johor.	
	PUSAT TEMU DUGA DAERAH KLUANG PEJABAT TANAH KLUANG Pentadbiran Tanah, Pejabat Tanah Kluang, 86000, Kluang, Johor.	
	PUSAT TEMU DUGA DAERAH PONTIAN PEJABAT TANAH PONTIAN Aras Bawah, Bangunan Sultan Ismail, 82000, Pontian, Johor.	
	PUSAT TEMU DUGA DAERAH MUAR PEJABAT DAERAH MUAR / PEJABAT TANAH MUAR Jalan Peteri, Taman Sri Tanjung, 84000 Muar, Johor.	
	PUSAT TEMU DUGA DAERAH BATU PAHAT PEJABAT DAERAH BATU PAHAT / PEJABAT TANAH BATU PAHAT Bangunan Tunku Mahkota Ibrahim Ismail, Jalan Bakau Chondong, 83000 Batu Pahat, Johor.	
	PUSAT TEMU DUGA DAERAH MERSING PEJABAT DAERAH MERSING Aras 1 & 2, Kompleks Pejabat-Pejabat, Kerajaan Jalan Ibrahim, 86800 Mersing, Johor	
	PUSAT TEMU DUGA DAERAH KOTA TINGGI PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI Aras 2, Bangunan Sultan Iskandar, 81900 Kota Tinggi, Johor.	

KAEDAH PENGAMBILAN

URUSAN PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG

Suruhanjaya melaksanakan proses pengambilan melalui pengeluaran iklan perjawatan di akhbar dan di dalam Portal *JohorCareer*. Calon perlu mengisi maklumat peribadi dan akademik didalam Sistem *JohorCareer*.

TAPISAN CALON

Kaedah pengambilan yang biasa dilakukan oleh SPAJ adalah calon perlu melalui dua proses saringan sebelum ditawarkan iaitu tapisan awal dan temu duga. Tapisan awal dibuat melalui semakan sama ada calon memenuhi syarat-syarat skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon. Selepas lulus tapisan awal, calon-calon akan ditemuduga untuk mendapatkan pegawai-pegawai yang terbaik untuk dilantik ke perkhidmatan awam.

TAPISAN UNTUK CALON-CALON PEGAWAI TADBIR NEGERI

Bagi jawatan Pegawai Tadbir Negeri proses saringan melibatkan empat tapisan iaitu:



TAPISAN AWAL

Calon-calon yang memohon dan mendaftar secara online dengan SPAJ bagi jawatan berkenaan akan ditapis permohonannya sama ada memenuhi syarat Skim Perkhidmatan bagi jawatan-jawatan yang dipohon. Calon yang telah melepasi tapisan awal dikehendaki menduduki peperiksaan bagi menilai kebolehan dan pengetahuan dari segi pengetahuan am, pengurusan organisasi, pengetahuan mengenai bidang kerja, budaya dan ekonomi negeri dan kebolehan berfikir.

PEPERIKSAAN

Peperiksaan *online* bagi jawatan Pegawai Tadbir Negeri telah diadakan pada tahun 2018 di mana ujian ini telah mendapat kerjasama daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Komponen penilaian dalam peperiksaan ini termasuk pengetahuan dari segi kenegaraan, pengetahuan am, pengurusan organisasi, pengetahuan mengenai bidang kerja, budaya dan ekonomi negeri dan kebolehan berfikir.

PENGENALAN

Pelantikan anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor merupakan salah satu daripada beberapa fungsi Suruhanjaya. Suruhanjaya melaksanakan urusan pelantikan melalui pengeluaran iklan perjawatan di akhbar dan dalam portal *JohorCareer*. Suruhanjaya melaksanakan proses pengambilan berdasarkan permohonan pengisian jawatan yang diterima daripada jabatan melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor.

Pada tahun 2018, jumlah permohonan yang diterima oleh Suruhanjaya adalah sebanyak 21,205 permohonan. Daripada jumlah tersebut, seramai 958 calon berjaya melepasi tapisan dan dipanggil temu duga. Daripada jumlah yang dipanggil temu duga, seramai 850 telah menghadiri temu duga dan seramai 155 orang telah dilantik dan ditawarkan Pelantikan Tetap. Butiran menunjukkan jumlah permohonan, calon dipanggil temu duga, calon hadir temu duga dan jumlah pelantikan tetap bagi tahun 2018 adalah sebagaimana di **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERMOHONAN JAWATAN MENERUSI SISTEM JOHORCAREER
PADA TAHUN 2017 DAN 2018

TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN	BILANGAN CALON MELEPASI TAPISAN	BILANGAN CALON HADIR TEMU DUGA	JUMLAH CALON BERJAYA
2017	44,789	2,439	1,440	363
2018	21,205	958	850	155

STATISTIK PERMOHONAN MENGIKUT KAUM
PADA TAHUN 2017 DAN 2018

TAHUN	KAUM	2017	2018
1	MELAYU	44,150	20,864
2	CINA	71	36
3	INDIA	568	271
4	LAIN-LAIN	-	34
	JUMLAH	44,789	21,205

Jumlah pemohon yang dipanggil temu duga dan jumlah pelantikan bagi tahun 2018 adalah sebagaimana Jadual 2.

JADUAL 2
BILANGAN PERMOHONAN, CALON MELEPASI TAPISAN, CALON HADIR TEMU DUGA,
CALON PELANTIKAN TETAP MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN
BAGI TAHUN 2018

BIL	JAWATAN & GRED	JUMLAH PERMOHONAN	BILANGAN CALON MELEPASI TAPISAN	BILANGAN CALON HADIR TEMU DUGA	BILANGAN LANTIKAN TETAP
1	Pegawai Tadbir N41	8,870	310	295	70
2	Penolong Pegawai Tadbir N29	7,773	414	365	25
3	Penolong Pegawai Teknologi Makanan C29	3,397	74	66	4
4	Pemandu Kenderaan H11	1,165	160	124	56
	JUMLAH	21,205	958	850	155

PELANTIKAN TETAP

Sebanyak empat (4) urusan pengambilan telah dilaksanakan bagi mengisi kekosongan pada tahun 2018. Urusan ini meliputi pelbagai jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana di jabatan-jabatan kerajaan negeri yang terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.

Bilangan pelantikan tetap ke perkhidmatan kerajaan pada tahun 2018 adalah seramai 155 calon. Daripada jumlah tersebut, seramai 70 calon bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala seramai 29 calon adalah Kumpulan Pelaksana Gred 29-40 dan seramai 56 calon adalah dari Kumpulan Pelaksana Gred 19 dan ke bawah.

URUSAN PERKHIDMATAN

SPAJ



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR

URUSAN PERKHIDMATAN

PENGENALAN

Suruhanjaya melaksanakan urusan perkhidmatan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Johor di bawah bidang kuasa seperti berikut :

	PENGESAHAN PELANTIKAN	-	177 urusan
	PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	-	414 urusan
	PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN	-	11 urusan
	PENGEUALJIAN MENGHADIRI PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM)	-	11 urusan
	PEMBERIAN TARAF BERPENCEN	-	392 urusan
	PENENTUAN GAJI PERMULAAN	-	16 urusan
	PERTUKARAN	-	2 urusan
	PEMBATALAN TAWARAN PELANTIKAN	-	-

Bagi tahun 2018 sebanyak 1,023 **Urusan Perkhidmatan** telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya.

PENGESAHAN PELANTIKAN

Pengesahan pelantikan merupakan proses mengesahkan pelantikan calon yang menerima tawaran jawatan dan telah memenuhi syarat-syarat dalam tawaran pelantikan.

Suruhanjaya telah mengesahkan pelantikan untuk seramai 177 orang anggota perkhidmatan awam negeri Johor pada tahun 2018. Daripada jumlah tersebut 21 pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 28 pegawai Kumpulan Pelaksana. Maklumat pengesahan pelantikan tahun 2018 dan perbandingan dengan tahun 2017 adalah seperti di **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENGESAHAN PELANTIKAN BAGI TAHUN 2017 - 2018

BIL	KUMPULAN	2017	2018
1	Pengurusan dan Profesional	12	21
2	Pelaksana	449	156
	JUMLAH	461	177

Butiran terperinci Pengesahan Pelantikan tahun 2018 mengikut skim perkhidmatan adalah sebagaimana Jadual 6.

JADUAL 6
PENGESAHAN PELANTIKAN MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN TAHUN 2018

BIL.	JAWATAN & GRED	JUMLAH
1	Pegawai Hal Ehwal Islam S41	6
2	Pegawai Syariah LS41	2
3	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG41	13
4	Penolong Pegawai Tadbir N29	8
5	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG29	6
6	Penolong Jurutera JA29	9
7	Penolong Pegawai Pertanian G29	1
8	Penolong Pegawai Teknologi Makanan C29	4
9	Pembantu Tadbir (Kewangan) W19	3
10	Pembantu Operasi N11	7
11	Penghantar Notis N11	2
12	Pemandu Kenderaan H11	51
13	Pembantu Awam H11	65
	JUMLAH	177

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Seseorang pegawai yang telah menjalani tempoh percubaan dengan jayanya, sama ada tempoh percubaan asal ataupun yang dilanjutkan, lulus peperiksaan yang telah ditetapkan (jika ada), hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan mendapat perakuan sokongan Ketua Jabatan, layak dipertimbangkan untuk disahkan dalam perkhidmatan mengikut Peraturan 29(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

Suruhanjaya telah meluluskan Pengesahan Dalam Perkhidmatan untuk 414 pegawai pada tahun 2018. Daripada jumlah tersebut seramai 25 orang adalah pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan 389 pegawai Kumpulan Pelaksana. Maklumat pada tahun 2018 dan perbandingan dengan tahun 2017 adalah seperti di Jadual 7.

JADUAL 7
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2017 - 2018

BIL	JAWATAN	2017	2018
1	Pengurusan dan Profesional	-	25
2	Pelaksana	768	389
	JUMLAH	768	414

Butiran terperinci kelulusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan mengikut skim perkhidmatan bagi tahun 2018 adalah sebagaimana **Jadual 8**.

JADUAL 8
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN TAHUN 2018

BIL.	JAWATAN & GRED	JUMLAH
1	Pegawai Tadbir N41	23
2	Pegawai Teknologi Maklumat F41	1
3	Pegawai Belia dan Sukan S41	1
4	Penghulu NP29	7
5	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG29	9
6	Penolong Pegawai Tanah NT29	12
7	Penolong Akauntan W29	56
8	Penolong Juruaudit W29	3
9	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam S29	1
10	Penolong Pegawai Tadbir N29	1
11	Penolong Jurutera JA29	8
12	Penolong Pegawai Pertanian G29	9
13	Pembantu Akauntan W19	20
14	Juruteknik Komputer FT19	5
15	Pembantu Makmal C19	1
16	Pembantu Pembangunan Masyarakat S19	2
17	Pembantu Hal Ehwal Islam S19	3
18	Pembantu Belia Dan Sukan S19	4
19	Pegawai Khidmat Pelanggan N19	2
20	Pembantu Setiausaha Pejabat N19	4
21	Juruaudio Visual N19	1
22	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19	85
23	Pembantu Syariah LS19	4
24	Pengawas Hutan G19	4
25	Pembantu Veterinar G19	2
26	Pembantu Kemahiran H19	19
27	Pembantu Awam H11	52
28	Pemandu Kenderaan H11	34
29	Pemandu/ Operator Jentera Pemungkah H11	3
30	Penghantar Notis N11	10
31	Pembantu Operasi N11	28
JUMLAH		414

PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

Pegawai yang tidak dapat disahkan dalam perkhidmatan disebabkan tidak lulus peperiksaan yang disyaratkan, belum menghadiri Kursus Induksi / Program Transformasi Minda atau tidak mendapat perakuan dan sokongan ketua jabatan boleh dilanjutkan tempoh percubaannya. Kelulusan bagi tempoh percubaan ini adalah sama ada dengan denda atau tanpa denda mengikut Peraturan 30 (1) Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016. Bagi tahun 2018 seramai 11 pegawai Kumpulan Pelaksana telah dilanjutkan tempoh percubaan. Maklumat pelanjutan tempoh percubaan bagi tahun 2018 dan perbandingan dengan tahun 2017 adalah seperti di **Jadual 9**.

JADUAL 9

PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN BAGI TAHUN 2017 - 2018

BIL	JAWATAN	2017	2018
1	Pengurusan dan Profesional	4	-
2	Pelaksana	17	11
	JUMLAH	21	11

Butiran terperinci Pelanjutan Tempoh Percubaan mengikut skim perkhidmatan bagi tahun 2018 adalah sebagaimana **Jadual 10**.

JADUAL 10

PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN MENGIKUT SKIM TAHUN 2018

BIL.	JAWATAN & GRED	JUMLAH
1	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam S29	1
2	Penolong Akauntan W29	4
3	Penolong Pegawai Tadbir N29	1
4	Pembantu Belia Dan Sukan S19	1
5	Pembantu Hal Ehwal Islam S19	1
6	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19	3
	JUMLAH	11

PENGECUALIAN MENGHADIRI PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM)

Pada tahun 2018, Suruhanjaya telah meluluskan 11 permohonan bagi pengecualian menghadiri Program Transformasi Minda (PTM) sebagaimana yang disyaratkan untuk Pengesahan Dalam Perkhidmatan kerana pegawai berkenaan telah menghadiri PTM semasa di jawatan sebelum ini. Maklumat kelulusan pengecualian menghadiri Program Transformasi Minda (PTM) pada tahun 2018 dan perbandingan dengan tahun 2017 adalah seperti di **Jadual 11**.

JADUAL 11

PENGECUALIAN MENGHADIRI PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM) TAHUN 2017 - 2018

BIL	JAWATAN	2017	2018
1	Pengurusan dan Profesional	-	2
2	Pelaksana	8	9
	JUMLAH	8	11

Butiran terperinci Pengecualian Menghadiri Program Transformasi Minda (PTM) tahun 2018 seperti di **Jadual 12**.

JADUAL 12

PENGECUALIAN MENGHADIRI PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM) TAHUN 2018

BIL.	JAWATAN & GRED	JUMLAH
1	Pegawai Syariah LS41	1
2	Pegawai Hal Ehwal Islam S41	1
3	Penolong Pegawai Pertanian G29	2
4	Penghulu NP29	2
5	Penolong Pegawai Tadbir N29	2
6	Penolong Pegawai Tanah NT29	1
7	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19	2
	JUMLAH	11

PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

Seseorang pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan membuat opsyen tidak memilih skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan telah memilih skim pencen mengikut Akta Pencen 1980 (Akta 227) dan telah berkhidmat tidak kurang daripada tiga (3) tahun yang boleh diambil kira, boleh diberi taraf berpencen oleh Suruhanjaya mengikut Peraturan 38(1) dan (2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

Sepanjang tahun 2018, Suruhanjaya telah meluluskan Pemberian Taraf Berpencen kepada 392 pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Johor. Pecahan pegawai mengikut kumpulan yang telah diberikan taraf berpencen pada tahun 2018 dan perbandingan dengan tahun 2017 adalah seperti di **Jadual 13**.

JADUAL 13
PEMBERIAN TARAF BERPENCEN TAHUN 2017 - 2018

BIL	JAWATAN	2017	2018
1	Pengurusan dan Profesional	5	2
2	Pelaksana	310	390
	JUMLAH	315	392

Jadual 14 menunjukkan kelulusan Pemberian Taraf Berpencen mengikut skim perkhidmatan bagi tahun 2018.

JADUAL 14
PEMBERIAN TARAF BERPENCEN MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN TAHUN 2018

BIL.	JAWATAN & GRED	JUMLAH
1	Pegawai Belia dan Sukan S41	1
2	Pegawai Teknologi Maklumat F41	1
3	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam S29	3
4	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG29	248
5	Penolong Akauntan W29	21
6	Penghulu NP29	1
7	Penolong Pegawai Tadbir N29	5
8	Penolong Pegawai Tanah NT29	9
9	Pembantu Tadbir (Kewangan) W19	16
10	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19	6
11	Juruaudio Visual N19	9
12	Pembantu Belia dan Sukan S19	12
13	Pembantu Pembangunan Masyarakat S19	5
14	Pegawai Khidmat Pelanggan N19	16
15	Pembantu Hal Ehwal Islam S19	36
16	Pembantu Setiausaha Pejabat N19	1
17	Pembantu Awam H11	1
18	Pemandu Kenderaan H11	1
JUMLAH		392

PENENTUAN GAJI PERMULAAN

Penentuan gaji permulaan bagi seorang pegawai yang baharu dilantik buat kali pertama dalam perkhidmatan awam akan ditentukan gaji permulaan mengikut Jadual Gaji Skim Perkhidmatan yang dilantik seperti yang diperuntukan di bawah Peraturan 25 (1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016. Bagi pegawai yang dilantik buat kali pertama dan memiliki pengalaman yang relevan dengan jawatan yang akan disandangnya boleh diberikan satu pergerakan gaji biasa bagi tiap-tiap genap satu tahun pengalaman yang relevan seperti diperuntukan di bawah Peraturan 25(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dan telah disahkan jawatannya dan kemudian dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain, penentuan gaji permulaan pegawai berkenaan hendaklah pada satu mata gaji yang lebih tinggi seperti diperuntukan di bawah Peraturan 25(7) dan 25(8) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

Pegawai yang dilantik bagi kali pertama dan memiliki pengalaman yang relevan dengan jawatan yang akan disandangnya boleh diberikan gaji yang lebih tinggi berdasarkan satu pergerakan gaji biasa bagi tiap-tiap genap satu tahun pengalaman yang relevan seperti yang diperuntukan di bawah Peraturan 25(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

Bagi bekas tentera yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam yang mempunyai pengalaman yang relevan atau tidak relevan sepenuhnya dengan skop dan fungsi tugas jawatan yang disandang boleh ditimbangkan Hadiah Pergerakan Gaji mengikut formula yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1979 atau Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2001 atau Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2011.

Pada tahun 2018, Suruhanjaya telah meluluskan sebanyak 16 urusan penentuan gaji permulaan pegawai Perkhidmatan Awam Negeri iaitu sebanyak 14 urusan di bawah peraturan 25(2) iaitu berdasarkan pengalaman kontrak manakala 2 urusan dibawah peraturan 25(7). Maklumat penentuan gaji permulaan adalah seperti di **Jadual 15**.

JADUAL 15
PENENTUAN GAJI PERMULAAN TAHUN 2017 - 2018

BIL	URUSAN	2017	2018
1	Pegawai yang dilantik mempunyai pengalaman di sektor swasta dan awam mengikut peraturan 25(2), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016	-	14
2	Pegawai tetap yang dilantik ke jawatan baru mengikut peraturan 25(7) dan 25(8), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016	-	2
	JUMLAH	-	16

Jadual 16 menunjukkan kelulusan Penentuan Gaji Permulaan mengikut skim perkhidmatan bagi tahun 2018.

JADUAL 16
PENENTUAN GAJI PERMULAAN BAGI TAHUN 2018

BIL.	JAWATAN & GRED	JUMLAH
1	Penolong Jurutera JA29	2
2	Penghulu NP29	1
3	Penolong Pegawai Tadbir N29	1
4	Penolong Pegawai Pertanian G29	2
5	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19	3
6	Juruteknik Komputer FT19	4
7	Pemandu Kenderaan H11	3
	JUMLAH	16

PERTUKARAN

Urusan pertukaran yang melibatkan Suruhanjaya adalah termasuk :

PERTUKARAN PERKHIDMATAN



Pertukaran seseorang pegawai dalam skim perkhidmatan yang sama atau berlainan di dalam perkhidmatan yang berada di bawah bidang kuasa SPAJ.

PERTUKARAN PELANTIKAN



Pertukaran seorang pegawai dari Perkhidmatan Awam dan Badan-badan Berkanun yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain ke Perkhidmatan Awam Negeri Johor di bawah bidang kuasa SPAJ.

PERTUKARAN PELANTIKAN ATAS PERMOHONAN SENDIRI

Pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri dilaksanakan bagi membolehkan seorang pegawai berpindah ke skim perkhidmatan yang sama di Pihak Berkuasa Melantik yang lain di tempat pilihan mereka atas sebab-sebab tertentu. Pegawai yang telah disahkan perkhidmatan dan memenuhi kriteria-kriteria serta syarta-syarat pertukaran yang ditetapkan sahaja akan dipertimbangkan. Urusan pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2016 (berkuatkuasa mulai 15 Februari 2017). Bagi tahun 2018, Suruhanjaya telah meluluskan sebanyak dua (2) permohonan pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri dari Perkhidmatan Awam Persekutuan ke Perkhidmatan Awam Negeri Johor.

Pertukaran ini dilaksanakan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008 (Dasar Dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara Dan Pertukaran Tetap), Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 (Dasar Dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara Dan Pertukaran Tetap) dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2016 (Panduan Pertukaran Pelantikan) yang diuruskan oleh Suruhanjaya pada masa ini

KENAIKAN PANGKAT DAN KAWALAN TATATERTIB

PENGENALAN

Seksyen 11(1), Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri memperuntukkan, antara lain fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor adalah untuk menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib terhadap orang-orang yang ada di dalam perkhidmatan kerajaan negeri. Fungsi Suruhanjaya berhubung kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib adalah termasuk:

- 01** Menguruskan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi.
- 02** Menguruskan rayuan tatatertib.
- 03** Menguruskan kenaikan pangkat bagi jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri.
- 04** Menguruskan rayuan kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri. Sepanjang tahun 2018, tiada urusan kenaikan pangkat bagi jawatan tersebut berbanding dua (2) urusan pada tahun 2017.

RAYUAN KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Johor bagi menimbangkan rayuan yang melibatkan Pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional. Sepanjang tahun 2018 sebanyak satu kes rayuan kenaikan pangkat telah ditimbangkan melibatkan 10 orang pegawai sebagaimana di Jadual 17.

JADUAL 17
KES RAYUAN KENAIKAN PANGKAT TAHUN 2018

BIL	KUMPULAN JAWATAN	BIL. URUSAN	BIL. PEGAWAI	KEPUTUSAN		
				SAH	UBAH	REMIT
1	Pengurusan dan Profesional	1	10	10	-	-

KAWALAN TATATERTIB

Berdasarkan peruntukan undang-undang khususnya Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Johor 1993, sebahagian kuasa kawalan tatatertib dijalankan oleh Lembaga Tatatertib Negeri Johor. Suruhanjaya hanya berfungsi sebagai pihak berkuasa tatatertib bagi kes-kes tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor. Sepanjang tahun 2018, tidak ada kes melibatkan tindakan tatatertib yang dipertimbangkan oleh Suruhanjaya.

RAYUAN TATATERTIB

Berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam Johor bagi menimbangkan rayuan yang melibatkan pegawai dan Kumpulan Pelaksana. Sepanjang tahun 2018 Suruhanjaya telah memutuskan sebelas (11) urusan rayuan tatatertib berbanding lapan belas (18) urusan rayuan tatatertib pada tahun 2017 seperti di Jadual 18.

JADUAL 18
RAYUAN TATATERTIB TAHUN 2017 - 2018

BIL	PERKARA	2017	2018
1	Menghantar Balik Kes Kepada Lembaga Tatatertib Untuk Ditimbang Semula.	-	-
2	Mengesahkan Keputusan Lembaga Tatatertib.	18	11
3	Mengesahkan Keputusan Lembaga Tatatertib Tetapi Mengubah Hukuman.	-	-
4	Mengakaskan Keputusan Dan Hukuman Lembaga Tatatertib Dan Membebaskan Perayu.	-	-
	JUMLAH	18	11

MESYUARAT SURUHANJAYA

SPAJ



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR

MESYUARAT SURUHANJAYA

Pada tahun 2018, Suruhanjaya telah mengadakan 12 kali Mesyuarat Suruhanjaya. Sebanyak 135 kertas Suruhanjaya telah dipertimbangkan. Mesyuarat Khas Suruhanjaya telah diadakan satu (1) dan satu kertas kerja telah dibentangkan pada 11 April 2018.

Sepanjang tahun 2018 sebanyak satu (1) Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat telah dilaksanakan yang melibatkan sepuluh (10) kertas rayuan kenaikan pangkat telah dipertimbangkan. Suruhanjaya juga bertindak sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Johor dan telah mengadakan Mesyuarat Rayuan Tindakan Tatatertib sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun 2018 melibatkan sebanyak sebelas (11) kertas pertimbangan rayuan tatatertib. Secara ringkas pecahan mesyuarat-mesyuarat Suruhanjaya pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

01

Mesyuarat Suruhanjaya

- **12 kali**

02

Mesyuarat Khas Suruhanjaya

- **1 kali**

03

Mesyuarat Rayuan Kenaikan Pangkat

- **1 kali**

04

**Mesyuarat Lembaga Rayuan
Tatatertib Perkhidmatan Awam**

- **4 kali**

PERBELANJAAN MENGURUS


PERUNTUKAN TANGGUNGAN T.02

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor telah menerima kelulusan peruntukan di bawah maksud Tanggungan T.02 sebanyak RM924,000.00 termasuk tambahan peruntukan bagi menampung perbelanjaan yang melibatkan Ahli-Ahli Suruhanjaya. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak RM281,000.00 diperuntukkan untuk perbelanjaan emolumen, RM615,000.00 untuk perkhidmatan dan bekalan, dan RM28,000.00 untuk aset. Prestasi keseluruhan T.02 bagi tahun 2018 adalah 81.89% dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM756,622.96. Rumusan peruntukan Tanggungan T.02 bagi tahun 2018 ditunjukkan seperti di **Rajah 1** dan **2**:

RAJAH 1
PRESTASI PERBELANJAAN T.02 TAHUN 2018




RAJAH 2
PERBELANJAAN KESELURUHAN T.02 TAHUN 2018




PERUNTUKAN BEKALAN B.01

Pentadbiran Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor telah menerima kelulusan peruntukan di bawah maksud Bekalan B.01 sebanyak RM1,102,000.00 pada tahun 2018 untuk perbelanjaan pentadbiran Jabatan dengan peruntukan emolumen anggota adalah sebanyak RM886,000.00, RM186,000.00 untuk perkhidmatan dan bekalan, manakala aset sebanyak RM20,000.00 dan RM10,000.00 untuk pemberian & kenaaan tetap. Prestasi keseluruhan B.01 bagi tahun 2018 adalah 83.65% dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM921,796.70. Rumusan peruntukan Bekalan B.01 bagi tahun 2018 ditunjukkan seperti di **Rajah 1 dan 2**:


RAJAH 1
PRESTASI PERBELANJAAN B.01 TAHUN 2018



RAJAH 2
PERBELANJAAN KESELURUHAN B.01 TAHUN 2018



PENGURUSAN MAKLUMAT



PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) bertanggungjawab memastikan pengurusan ICT yang terancang dan bersepadu seiring dengan objektif penyampaian perkhidmatan yang berterusan kepada jabatan dan orang awam. Bahagian ini juga berkerjasama dengan Bahagian Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor dalam menyediakan platform pelayar sistem berkapasiti tinggi seiring dengan keperluan semasa.

SISTEM APLIKASI DALAM TALIAN DAN SISTEM SOKONGAN BPM-SPAJ

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) juga membangunkan sendiri beberapa sistem aplikasi bagi tujuan pengurusan dalaman SPAJ dengan beberapa fungsi iaitu:

01

SISTEM APLIKASI-JOHORCAREER

Sistem Pengurusan Tenaga Kerja-JohorCareer adalah pengkongsian strategik antara 3 jabatan kerajaan negeri. Pengkongsian maklumat mengenai kekosongan jawatan serta proses pengambilan yang menjimatkan kos pembangunan sistem. Antara jabatan terlibat adalah Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor dan Bahagian Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor.

02

SISTEM PENILAIAN PRESTASI TEMU DUGA (SPPT)

Sistem ini diwujudkan bagi mengemaskini maklumat calon temu duga dan membantu panel penemuduga bagi membuat penilaian prestasi temu duga semasa sesi temu duga sedang dijalankan.

03

SISTEM PENGURUSAN PENGAMBILAN & PERKHIDMATAN (SPP)

Sistem ini diwujudkan mulai 26 Februari 2013 bagi urusan pendaftaran surat-surat masuk dari jabatan-jabatan oleh Setiausaha Pejabat dan penyemakan penerimaan surat oleh Unit Pengambilan dan Unit Perkhidmatan. Ia juga diwujudkan bagi memudahkan penjawat awam membuat semakan status urusan perkhidmatan mereka iaitu urusan Pengesahan Lantikan, Pengesahan Perkhidmatan, Pemberian Taraf Berpencen dan Pelanjutan Tempoh Percubaan.

04

SISTEM PENGURUSAN FAIL (FILE MANAGEMENT SYSTEM-FMS)

Sistem FMS ini berfungsi untuk mendaftar fail baru, membuat permohonan pinjaman fail unit berkaitan dan pemulangan fail oleh Unit Pentadbiran.

05

SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA)


– Biro Pengaduan Awam (BPA), Jabatan Perdana Menteri (JPM)

Pada tahun 2018, Sistem Pengurusan Aduan SPAJ (SPAJawab) telah ditamatkan perkhidmatannya dan digantikan dengan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) yang lebih baik dan efisien dalam pengurusan aduan secara menyeluruh pada setiap peringkat.


LAPORAN PORTAL DAN MEDIA SOSIAL RASMI (WEB 2.0)

Portal Rasmi SPAJ bertindak sebagai media perantaraan kepada semua peringkat pelanggan dalam menyampaikan maklumat yang benar dan cepat. Kandungan portal akan dikemaskini mengikut keperluan bahagian/ unit supaya mencapai sasaran pengguna dalam mendapatkan informasi yang terkini. Pada tahun 2018, versi url portal *Hyper Text Transfer Protocol* (HTTP) ditukar kepada versi *Hyper Text Transfer Protocol Secure* (HTTPS) yang mempunyai lebih ciri keselamatan kepada pengguna dan pelayar portal. Berikut adalah Carta Pengemaskinian Maklumat Mengikut Urusan mulai tahun 2016 sehingga 2018.

CARTA PENGEMASKINIAN MAKLUMAT MENGIKUT URUSAN



CARTA BILANGAN PELAWAT DAN *LIKE* PORTAL RASMI DAN MEDIA SOSIAL 2.0




	2016	2017	2018
Portal	2356	298974	5482
Facebook	94987	55618	18651
Twitter	240	218	1708

Web 2.0 atau lebih dikenali sebagai media sosial rasmi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor telah mencatat pengurangan bilangan *Likes* dan *Followers* bagi Facebook dan Twitter. Seperti yang dapat dilihat melalui carta di atas, bilangan *Likes* bagi Facebook Rasmi SPAJ mencatat peningkatan pada tahun semasa.

LAPORAN PENYELENGGARAAN ICT

Bahagian Pengurusan Maklumat melaksanakan penyelenggaraan berkala 2 kali setahun kepada semua peralatan komputer dan ICT bagi memastikan setiap pengoperasi sistem tidak terganggu disebabkan kegagalan perkakasan ICT. Berikut adalah carta suku pertama dan kedua:

CARTA PENYELENGGARAAN ICT



AKTIVITI SURUHANJAYA

SPAJ



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR

JANUARI



8 JANUARI 2018

**MAJLIS PENYAMPAIAN SURAT TAWARAN PELANTIKAN JAWATAN
PEMANDU KENDERAAN GRED H11 BIL.1/2018
TUAN HAJI NORIZAN BIN KULOB**

FEBRUARI



5 FEBRUARI 2018

**MAJLIS AKU JANJI KAKITANGAN TETAP DAN KONTRAK DIHADAPAN SETIAUSAHA SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM JOHOR**



6 FEBRUARI 2018

**PEMANTAUAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN ONLINE
BAGI PEGAWAI TADBIR NEGERI JOHOR BERSAMA
BAHAGIAN PEPERIKSAAN SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**



3-4 MAC 2018
KARNIVAL KERJAYA 4.0 DI UTC GALERIA @ KOTA RAYA JOHOR BAHRU



6 MAC 2018
MAJLIS PERPISAHAN KAKITANGAN SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM JOHOR
ENCIK SAPARI BIN SULAIMAN
PEMANDU KENDERAAN GRED H11



15 MAC 2018
PROGRAM GOTONG-ROYONG DI PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR

MAC



19 MAC 2018

**MAJLIS ANGKAT SUMPAH PENERUSI DAN AHLI-AHLI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR
DI MAHKAMAH TINGGI JOHOR BAHRU MENARA MSC CYBERPORT DIHADAPAN
YAA PUAN SEE MEE CHUN HAKIM MAHKAMAH TINGGI JOHOR BAHRU**

APRIL & MEI



29-30 APRIL 2018 & 3-6 MEI 2018

**PROGRAM PENILAIAN KHAS KEMASUKAN PEGAWAI TADBIR NEGERI JOHOR 2018
INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (IKWAS) KLUANG, JOHOR**



21 JUN 2018

MAJLIS JASAMU DIKENANG DAN JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI 2018 BERTEMPAT DI DEWAN JOHOR HOTEL MUTIARA JOHOR BAHRU
- TUAN HAJI MOHD JAFFAR BIN AWANG
- TUAN HAJI A. JABAR BIN MD. TAHIR



16 JULAI 2018

MAJLIS PENYAMPAIAN SURAT TAWARAN PELANTIKAN JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKANAN GRED C29 BIL.2/2018
TUAN HAJI MUJI BIN SALIMON



24 JULAI 2018

KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK KE SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR

SEPTEMBER



12 SEPTEMBER 2018
MAJLIS PENYAMPAIAN SURAT TAWARAN PELANTIKAN JAWATAN
PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N29 BIL.3/2018
TUAN HAJI RAMLY BIN JUSOH

OKTOBER



1 OKTOBER 2018
PERKONGSIAN ILMU DAN DOA SELAMAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR 2018
ENCIK MOHD FIRDAUZ BIN MUSTAFFA



23-24 OKTOBER 2018
KURSUS KESELAMATAN PERLINDUNGAN (FIZIKAL DAN DOKUMEN) BILIK LATIHAN
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

OKTOBER



31 OKTOBER 2018
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
TAHUN 2017
PUAN NUR ZELA BINTI OTHMAN
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19

NOVEMBER



4-5 NOVEMBER 2018
BENGKEL STANDARD OPERATING PROSEDURE (SOP) UNIT PERKHIDMATAN



23 NOVEMBER 2018
PROGRAM KARNIVAL KERJAYA KLUANG 2018 KOMPLEKS BELI BELAH KLUANG JUNCTION





3-6 DISEMBER 2018
— LAWATAN RASMI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR KE
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK



19 DISEMBER 2018
MAJLIS PENYAMPAIAN SURAT TAWARAN PELANTIKAN
JAWATAN PEGAWAI TADBIR GRED N41 BIL.4/2018
YB DATO' HAJI MARSAN BIN KASSIM



23-24 DISEMBER 2018
AKTIVITI SUKAN DALAMAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR 2018
- KAROM DAN DART



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR
ARAS 3, BANGUNAN DATO ABDUL RAHMAN ANDAK
KOTA ISKANDAR

79000 ISKANDAR PUTERI, JOHOR DARUL TA'ZIM

☎ 07-2666422 🌐 <http://spaj.johor.gov.my>